

Headline	Skandal tanah Sungai Yu lebih besar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	402 cm ²
Journalist	MOHD. ASRON MUSTAPHA	AdValue	RM 7,945
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,836



Skandal tanah Sungai Yu lebih besar

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 12 DIS.

SEBENARNYA bukan tiga, sebaliknya terdapat 16 keluarga yang dipercayai ada kaitan dengan kepimpinan DAP dan PKR bertindak membolot lot tanah di Sungai Yu sekali gus mendedahkan kronisme, salah guna kuasa dan penyelewengan berleluasa dalam skandal tersebut.

Perkara itu didedahkan sendiri sumber Pejabat Tanah dan Galian (PTG) kepada *Utusan Malaysia* setelah sekian lama mereka mengambil sikap mengunci mulut dalam isu tersebut kerana bimbangkan tindak balas politik daripada kerajaan negeri pimpinan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Dakwa sumber tersebut yang enggan namanya didedahkan, pihak PTG sudah mengenal pasti ada sesuatu tidak kena dalam proses pemilihan sejak dari awal lagi, tetapi tidak dapat berbuat apa-apa kerana wujudnya tekanan politik oleh Ahli Jawatankuasa Pemilihan dan juga pemimpin tertentu.

Persoalannya kini, siapa atau pihak manakah yang menjadi 'tangan ghaib' di sebalik semua skandal tersebut sehingga Mohamed Azmin sanggup memberi kelulusan dan turun menyerahkan sendiri Borang 5A kepada penerima pada Ogos tahun lalu.

"Saya boleh sahkan terdapat 16 keluarga yang membolot tanah itu dengan menggunakan nama ahli keluarga masing-masing, bukan tiga seperti dilaporkan sebelum ini. Selain nama sendiri, bapa, emak, isteri dan ipar, nama sepupu juga turut digunakan," kata sumber itu di sini hari ini.

Pada Jumaat lalu, Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) mengakui wujud pelanggaran syarat dalam proses pemberian

Dakwa salah guna kuasa proses pemberian lot tanah

Siasat segera isu Sungai Yu

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 12 DIS.

BARISAN Nasional (BN) Parlimen Tanjung Karang mengesahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengambil tindakan berdasarkan perkembangan terbaru isu salah guna kuasa proses pemberian lot tanah kerajaan negeri Selangor di Kampung Sungai Yu, Tanjung Karang.

Pengerusi BN Negeri Selangor yang merupakan Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya akan membuat laporan kepada SPRM dan PDRM pada waktu terdekat ini kerana Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) mengakui wujud pelanggaran syarat dalam proses berkenaan.

"SPRM dan polis boleh mendapatkan maklumat daripada Selcat, kesalahan sudah dilakukan, takkan kita hendak lihat mereka yang lakukan kesalahan begitu sahaja, mesti diambil tindakan terhadap mereka lakukan penyelewengan."



"SPRM dan polis boleh mendapatkan maklumat daripada Selcat, kesalahan sudah dilakukan, takkan kita hendak lihat mereka yang lakukan kesalahan dilepaskan begitu sahaja, mesti diambil tindakan terhadap mereka lakukan penyelewengan."

NOH OMAR
Pengerusi BN Negeri Selangor

hari ini.

Jumaat lalu, Pengerusi Selcat, Hannah Yeoh mengakui wujudnya pelanggaran syarat dalam proses pemberian lot tanah milik kerajaan negeri kepada para penerima di Kampung Sungai Yu, selain mendapati terdapat keluarga menerima lebih daripada satu lot tanah dan penerima tidak mempunyai rekod pendaftaran tanah di Jabatan Pendaftaran Tanah (Jabatan).

Lot tanah yang dibolot itu diserahkan kepada penerima melalui proses pemberian lot tanah yang dilakukan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor gagal.

ketelusan. "Saya panggil ini mah kangaru, ikut suka hati" haju, kalau tengok mendedahkan skandal, buat diam-diam secara tertutup, tetapi kalau kes itu kononnya hendak menunjukkan kebenaran kepada kerajaan negeri, dia buat pendengaran awam supaya nampak macam kerajaan negeri buat kerja yang betul," katanya.

Katanya lagi, keputusan Selcat mencadangkan HDADU dimasukkan dalam Jawatankuasa Pemilihan Tanah jelas menunjukkan pendekatan yang dilakukan kerajaan negeri ketika era BN adalah pendekatan lebih baik dan akhirnya dicontohi semula.

Beliau juga membidas Selcat yang sekadar menyalahkan keputusan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Kuala Selangor berhubung ini berkenaan, sedangkan pejabat peritjak lain dalam Jawatankuasa Pemilihan Tanah dan kerajaan negeri juga perlu disiasat.

"Insya Allah, kita akan bongkar satu demi satu, ada lagi selepas Azmin (Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali) tunggang, itu demi satu kita akan bongkar, ia malukan di Tanjung Karang itu," katanya.



Saya boleh sahkan terdapat 16 keluarga yang membolot tanah itu dengan menggunakan nama ahli keluarga masing-masing, bukan tiga seperti dilaporkan sebelum ini. Selain nama sendiri, bapa, emak, isteri dan ipar, nama sepupu juga turut digunakan."

SUMBER

tanah di Sungai Yu dan itu bertentangan sama sekali dengan kenyataan Mohamed Azmin yang menafikan wujud sebarang penyelewengan.

Pengerusi Selcat, Hannah Yeoh menyatakan, pelanggaran itu berlaku selepas pihaknya membuat semakan terperinci berdasarkan maklumat yang diperolehi dari

Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan PTG negeri.

Sehubungan itu, Selcat mengeluarkan lima resolusi kepada kerajaan negeri antaranya meminta Mohamed Azmin mengantung proses pemberi milikan tanah di Kampung Sungai Yu sehingga Jawatankuasa Pemilihan yang baharu dilantik selain mengesahkan semula kelayakan para pemohon.

Utusan Malaysia sebelum ini mendedahkan antaranya 18 'individu' misteri yang nombor kad pengenalan mereka tiada dalam rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) turut diberikan kelulusan oleh Kerajaan PKR Selangor dan bagaimana 'individu' terabit boleh melepasi tapisan kekal menjadi persoalan.

Tidak sekadar itu, syarat pendapatan bawah RM3,000 juga dilanggar manakala lebih 70 peratus daripada 175 penerima adalah orang luar dengan ada kalangan mereka menetap di Batu Kawan, Pulau Pinang; Padang Serai (Kedah); Ipoh Barat (Perak); Masjid Tanah (Melaka) dan Rembau (Negeri Sembilan).